

Penyampai : DATO' SERI DR SITI HASMAH BTE HAJI MOHD. ALI
Tajuk : SELAKU CANSELOR UNIVERSITI MULTIMEDIA DI MAJLIS PERASMIAN SEMINAR
SASTERA SIBER ANJURAN PERSATUAN PENULIS KUALA LUMPUR (KALAM)
Lokasi : BALAI SEMINAR DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA, KUALA LUMPUR
Tarikh : 14-04-2001

Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Persatuan Penulis Kuala Lumpur (KALAM) yang sudi mengundang saya untuk merasmikan Seminar Sastera Siber ini. Pada saya inilah kali pertama saya diberi penghormatan untuk merasmikan seminar seumpama ini.

2. Saya difahamkan bahawa inilah kali pertama seminar yang menyentuh tentang sastera siber diadakan. Sebelum ini saya difahamkan juga ada usaha untuk mengembangkan sastera dengan teknologi maklumat, tetapi usaha ini adalah pada peringkat awal dan masih dibahaskan secara umum.

3. Saya mengucapkan tahniah kepada KALAM yang meneroka dunia sastera siber dan menjadikan ia sebagai agenda KALAM yang penting dalam beberapa tahun yang akan datang. Sepanjang pengetahuan saya, KALAMlah yang berusaha memulakan konsep sastera siber baik dari segi pembinaan karya kreatif mahupun dari segi ilmu sastera.

4. Bahkan dapat saya katakan bahawa KALAMlah yang berusaha secara serius untuk memperkukuh konsep sastera yang masih belum cukup mekar dalam dunia sastera Melayu dan sastera Kebangsaan.

5. Usaha KALAM untuk menyuburkan sastera siber haruslah mendapat sokongan dari institusi ilmu, budaya dan institusi sastera seperti Dewan Bahasa dan Pustaka.

6. Malah saya mencadangkan kepada Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) agar memberi biaya yang lebih besar kepada KALAM dan badan penulis lain yang serius berusaha menyuburkan sastera siber baik dari segi karya dan ilmunya. Dengan biaya ini, diharapkan agar KALAM dapat mengusahakan prasarana yang lebih serius baik dari segi penerbitan buku sastera siber mahupun dari segi penggunaan alat multimedia untuk membantu membina dan mengembangkan sastera siber ini.

7. Memang kita sedia ketahui bahawa Koridor Raya Multimedia sudah memasuki berbagai-bagai bidang kehidupan dan bidang ilmu. Dalam bidang perubatan, kita ada teleperubatan, dalam bidang undang-undang sudah ada undang-undang siber. Dalam bidang perdagangan, kita ada E-dagang. Dalam bidang pengetahuan kita ada K-ekonomi.

8. Kerajaan kita pula sedang menuju ke arah Kerajaan elektronik yang akan mengurangkan penggunaan kertas. Melalui penggunaan alat teknologi yang canggih, pentadbiran Kerajaan dapat dijalankan dengan lebih berkesan.

9. Begitulah tuan-tuan dan puan-puan kepentingan penggunaan teknologi maklumat. Pendek kata tiada bidang hidup dan bidang ilmu yang tidak menerima teknologi maklumat.

10. Teknologi maklumat bukanlah sesuatu yang statik. Ia hidup subur dan mula mempengaruhi hampir semua bidang kehidupan. Tetapi kita sebagai pengguna teknologi harus memastikan bahawa teknologi maklumat benar-benar memberi manfaat kepada kehidupan kita.

11. Kitalah yang harus menyemaikan seni kepada teknologi maklumat. Kitalah yang berusaha memasukkan teknologi maklumat ke dalam tubuh karya sastera supaya ia mendapat nafas baru.

12. Di negara Barat, saya difahamkan sudah ada usaha memasukkan teknologi maklumat ke dalam karya sastera khususnya dalam karya novel dan puisi. Ini suatu perkembangan yang baik.

13. Kita juga tidak mahu ketinggalan dalam usaha ini. Dengan masuknya teknologi maklumat dalam karya sastera, ia mendapat keindahan seni dalam bentuk baru yang dipanggil keindahan teknologi (aesthetics of technology). Kesannya dalam sastera Melayu memerlukan suatu kajian yang

bersungguh-sungguh. Kita berharap mendapat kesannya yang positif.

14. Dari satu segi lain, masuknya teknologi maklumat dalam karya sastera sama ada bentuk kreatif multimedia, digital, 3 dimensi dan sebagainya dalam suatu ruang siber (cyberspace) haruslah kita alu-alukan.

15. Kemasukan ini menjalinkan gabungan teknologi dengan seni secara mesra. Dengan mesranya gabungan ini yang mencetuskan sastera siber, maka diharapkan agar sastera Melayu menjadi lebih bermutu, mempunyai digniti dan akan dihormati oleh masyarakat sastera serantau dan masyarakat sastera antarabangsa.

16. Perkembangan sastera Melayu tidak seharusnya terbatas pada peringkat serantau sahaja. Jika kita ingin sastera Melayu maju, kita harus mencipta sastera Melayu tanpa sempadan, yang dibaca tidak dalam bahasa Melayu bahkan dalam bahasa dunia yang besar.

17. Saya berharap usaha KALAM mencipta konsep sastera siber ini akan diteruskan dalam bentuk kajian yang lebih mendalam. DBP harus memberi "grant" kepada usaha ini supaya kita boleh mendapat konsep sastera siber yang lebih jelas dan lebih bermanfaat.

18. Dalam bidang pendidikan, saya mencadangkan agar sastera siber ini dipelajari pada peringkat sekolah menengah khususnya dalam tingkatan lima ke atas.

19. Saya berharap agar kita dapat mendidik pelajar kita mengenal seterusnya mencintai sastera siber daripada peringkat sekolah hinggalah ke peringkat universiti. Dengan kecintaan ini, maka mudahlah kita mendidik masyarakat berbudaya sejak dari peringkat sekolah.

20. Akhirnya saya menaruh harapan tinggi kepada KALAM agar terus mengembangkan konsep sastera siber. Saya juga menyeru agar KALAM meneruskan usaha baik bersama institusi ilmu yang lain khususnya Universiti Multimedia dan universiti lain yang dapat memberi input yang lebih berkesan dalam pembinaan sastera siber.

21. Saya berdoa agar seminar ini akan memperolehi matlamatnya dan berjaya. Dengan ini saya merasmikan "Seminar Sastera Siber" dengan lafaz "Bismillah".

22. Sekian. Wabillahitaufik walhidayah wassalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh.